

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

15. Bangunan-bangunan milik JKP di Butterworth seperti Kompleks Bagan dan bangunan di Lorong Bagan Luar 2, sudah terbengkalai dengan hanya beberapa unit sahaja disewa.
  - (a) Bolehkah Kerajaan Negeri mengambil alih bangunan-bangunan tersebut dan merejuvenasikanya semula?
  - (b) Berapakah anggaran kos bangunan-bangunan tersebut menurut Jabatan Penilaian?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Bangunan-bangunan milik JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) di Butterworth iaitu Kompleks Bagan mempunyai 46 unit premis perniagaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 27 unit atau 58.7 peratus telah disewakan. Unit-unit lain masih kosong dan promosi atau hebahan kepada usahawan atau individu yang ingin menyewa sentiasa dibuat sepanjang tahun oleh JKP Sdn. Bhd.

Manakala bagi JKP Business Center di Lorong Bagan Luar 2, ianya diperolehi melalui pembelian dan bayaran pembelian telah diselesaikan sepenuhnya pada bulan Ogos 2019 oleh JKP Sdn. Bhd. Terdapat 3 syarikat yang merupakan penyewa asal masih beroperasi di 5 tingkat kompleks tersebut. Terdapat 6 tingkat yang masih kosong dan hebahan kepada usahawan, syarikat, jabatan kerajaan dan persatuan/ pertubuhan yang berminat untuk menyewa sentiasa dibuat dari semasa ke semasa.

Kedua-dua kompleks tersebut tidak terbengkalai sebaliknya fasad bangunan dalam keadaan tidak memuaskan. Oleh itu, JKPSB telah menyediakan peruntukan penyelenggaraan bagi menaiktaraf dan baikpulih kompleks dan premis perniagaan JKPSB setiap tahun. JKPSB juga tidak berhasrat untuk melupuskan mana-mana kompleks atau premis perniagaan. Walaubagaimanapun, JKPSB mengalau-alukan sebarang cadangan yang boleh memberi nilai tambah kepada kompleks dan premis perniagaan milik JKPSB untuk manfaat masyarakat di Pulau Pinang.

- (a) Buat masa ini, kerajaan negeri tidak berhasrat untuk mengambil alih memandangkan JKPSB mempunyai peruntukan penyelenggaraan tahunan bagi menaiktaraf dan membaikpulih kompleks dan premis perniagaan tersebut.
- (b) Buat masa ini, anggaran kos bangunan-bangunan tersebut oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) tidak dapat diperolehi kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa dari 18 Mac hingga 28 April 2020.